A

TENAGA NASIONAL BHD

lwn.

SIM LAI LING

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
TENGKU MAIMUN H
[GUAMAN SIVIL NO: 22NCVC-210-02-2012]
14 SEPTEMBER 2012

C ***UNDANG-UNDANG TANAH:*** *Pencerobohan - Kemasukan oleh pihak berkuasa - Pihak berkuasa elektrik memasuki premis untuk pemeriksaan mengejut secara melompat pagar - Sama ada menyalahi undang-undang - Sama ada merupakan pencerobohan - Akta Bekalan Elektrik 1990, ss. 5, 6, 37(3), 38(1), (4)*

D ***UTILITI AWAM:*** *Elektrik - Bayaran elektrik - Pengusikan pada pepasangan meter - Tuntutan balik amaun terkurang caj akibat pengusikan kepada pepasangan meter - Sama ada pemeriksaan mengejut oleh juruteknik plaintif secara melompat pagar menyalahi undang-undang - Sama ada pemeriksaan perlu dijalankan oleh pegawai Suruhanjaya Tenaga - Sama ada plaintif telah*
E *menceroboh premis defendan - Sama ada pengusikan meter oleh defendan dibuktikan - Plaintif gagal membuktikan kerugian - Tuntutan ditolak - Akta Bekalan Elektrik 1990, ss. 5, 6, 38(1), (4) - Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990, peraturan 7*

Plaintif telah menuntut terhadap defendan sejumlah RM677,277.52 yang
F dikatakan amaun yang terkurang caj kepada defendan akibat pengusikan kepada pepasangan meter di premis defendan. Pada 25 Februari 2011, beberapa orang juruteknik plaintif telah melakukan pemeriksaan mengejut ke atas premis tersebut. Hasil pemeriksaan mendapati bahawa terdapat kejanggalan pada meter yang menghalang meter daripada merekodkan
G penggunaan arus dengan betul. Plaintif telah melakukan pengiraan beberapa kali secara manual dan juga secara menggunakan 'test set' untuk mendapatkan ralat pada penggunaan arus. Plaintif kemudiannya mengeluarkan notis tuntutan ('eks. P1') kepada defendan untuk membayar bil kebelakang dalam jumlah RM677,277.52. Defendan
H menafikan melakukan pengusikan pada pepasangan meter. Defendan berhujah bahawa pemeriksaan oleh plaintif pada 25 Februari 2011 adalah menyalahi undang-undang dan tidak sah kerana ia tidak dijalankan oleh pegawai-pegawai dari Suruhanjaya Tenaga mengikut s. 6 Akta Bekalan Elektrik 1990 ('ABE') dan juga kerana plaintif telah menceroboh premis
I tersebut. Defendan juga berhujah bahawa plaintif telah gagal membuktikan kerugian sebanyak RM677,277.52.

Diputuskan (menolak tuntutan plaintif dengan kos):

(1) Walaupun pegawai dari Suruhanjaya Tenaga tidak melakukan pemeriksaan di premis tersebut mengikut s. 5 dan walaupun kakitangan plaintif yang melakukan pemeriksaan itu telah memasuki premis defendan dengan cara melompat pagar, pemeriksaan yang dijalankan oleh plaintif di premis tersebut pada 25 Februari 2011 adalah sah. (perenggan 11)

(2) Seksyen 5 dan 6 adalah berkaitan dengan kesalahan jenayah. Kes ini adalah kes sivil berkaitan dengan tuntutan kerugian kerana jumlah yang terkurang caj akibat pengusikan pada meter. Peruntukan yang relevan ialah s. 38(1) ABE dan peraturan 7 Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 yang jelas memberi kuasa kepada kakitangan plaintif untuk melakukan pemeriksaan. (perenggan 12)

(3) Adalah lebih berkemungkinan defendan atau wakil defendan yang melakukan pengusikan pada pepasangan meter daripada pihak-pihak lain kerana defendan dan/atau wakilnya yang mempunyai akses kepada bilik meter itu, dan bukannya pihak-pihak lain. Plaintif telah membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa terdapat pengusikan pada pepasangan meter oleh defendan dan/atau wakil defendan. (perenggan 15)

(4) Berdasarkan s. 38(4), jika terdapat suatu penyata bertulis di bawah s. 38(4) ABE, maka jumlah yang dinyatakan di dalamnya adalah keterangan *prima facie* bahawa itu adalah jumlah yang kena dibayar oleh defendan. Jumlah tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam pernyataan itu hendaklah dibenarkan tanpa tolakan; *(Tenaga Nasional Berhad v. Wong Kwi Fong*, dirujuk). (perenggan 22 & 23)

(5) Eksibit P1 bukanlah satu penyata di bawah s. 38(4) ABE tetapi sekadar suatu notis tuntutan untuk defendan membuat bayaran. Dalam keadaan di mana tidak terdapat bukti *prima facie* mengenai jumlah yang terhutang oleh defendan kerana kehilangan hasil berikutan kesalahan di bawah s. 37(3) ABE, plaintif perlu membuktikan bahawa jumlah yang dituntut daripada defendan adalah betul. (perenggan 27 & 31)

(6) Pengataan plaintif bahawa pengiraan dibuat mengikut cara dan formula di dalam "Standard Operating Procedure" adalah tidak benar. Plaintif gagal membuktikan kerugiannya dalam jumlah RM677,722.52. (perenggan 55 & 60)

Kes-kes yang dirujuk:
Cempaka Finance Bhd v. Ho Lai Ying & Anor [2006] 3 CLJ 544 FC ***(dirujuk)***
Citibank NA v. Ooi Boon Leong & Ors [1980] 1 LNS 168 FC ***(dirujuk)***
Tenaga Nasional Berhad v. Wong Kwi Fong (Rayuan Sivil No: W-02-2901-2010) (Unreported) ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Electricity Supply Act 1990, ss. 5, 6, 37(3), 38(1), (4)
Licensee Supply Regulations 1990, rr. 7, 11(2)

Bagi pihak plaintif - T Gajendran (Shobana Padmanathan bersamanya); T/n Jayadeep Hari & Jamil
Bagi pihak defendan - Sean Ong Kang Wen; T/n Lee Ong & Kandiah

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Tengku Maimun H:

[1] Defendan adalah pengguna berdaftar bagi tenaga elektrik di premis yang dikenali sebagai KMK Rubber Manufacturing Sdn Bhd di Kajang, Selangor ('premis tersebut').

[2] Tuntutan plaintif terhadap defendan adalah untuk jumlah RM677,277.52 iaitu amaun yang dikatakan terkurang caj kepada defendan akibat pengusikan kepada pepasangan meter di premis tersebut.

[3] Pada 25 Februari 2011 jam lebih kurang 4 pagi, beberapa orang juruteknik plaintif (SP2-SP5) telah melakukan pemeriksaan mengejut ke atas premis tersebut. Hasil pemeriksaan mendapati bahawa terdapat kejanggalan pada meter iaitu terdapat clamp berbentuk keris di bahagian bawah Terminal Test Block ('TTB') yang menghalang meter daripada merekodkan penggunaan arus dengan betul.

[4] Plaintif telah melakukan pengiraan beberapa kali secara manual dan juga secara menggunakan test set untuk mendapatkan ralat pada penggunaan arus. Pengiraan secara manual menunjukkan ralat sebanyak -62.01% pada pengiraan kali pertama dan -55.34% pada pengiraan kali kedua. Manakala pengiraan melalui test set pula menunjukkan ralat sebanyak -96.446% pada kali pertama; -95.540% pada kali kedua dan -95.291% pada kali ketiga. Selepas pembetulan dibuat iaitu selepas clamp ditanggalkan daripada TTB, ralat adalah sebanyak +0.554% pada kali pertama; +0.421% pada kali kedua dan +0.506% pada kali ketiga (lihat eks. P10).

[5] Plaintif kemudiannya mengeluarkan notis tuntutan bertarikh 29 Mac 2011 (eks. P1) kepada defendan untuk membayar bil kebelakang dalam jumlah RM677,277.52. Bersama notis tuntutan itu, plaintif juga memberikan notis pemotongan bekalan elektrik kepada defendan.

[6] Defendan menafikan melakukan pengusikan pada pepasangan meter. Kes defendan adalah bahawa pemeriksaan tersebut adalah tidak sah di sisi undang-undang, bahawa tuntutan plaintif adalah tidak munasabah, berlebihan dan salah di sisi undang-undang dan sebarang pelarasan ke belakang oleh plaintif tidak boleh melebihi tiga bulan dari tarikh defendan diberitahu bahawa premis tersebut telah terkurang caj.

[7] Terdapat dua isu yang perlu diputuskan iaitu:

(i) sama ada defendan telah mengusik pepasangan meter di premis tersebut; dan

(ii) sama ada plaintif telah membuktikan kerugian berjumlah RM677,277.52.

Keputusan

Sama Ada Defendan Telah Mengusik Pepasangan Meter Di Premis Tersebut

[8] Berkaitan dengan isu ini, peguamcara bijaksana pihak defendan telah berhujah bahawa pemeriksaan oleh plaintif pada 25 Februari 2011 adalah menyalahi undang-undang dan tidak sah kerana ia tidak dijalankan oleh pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Tenaga mengikut s. 6 Akta Bekalan Elektrik 1990 ('ABE') dan juga kerana plaintif telah menceroboh premis tersebut.

[9] Tidak dinafikan bahawa tiada pegawai daripada Suruhanjaya Tenaga yang menyertai pemeriksaan di premis tersebut pada 25 Februari 2011. Tidak dinafikan juga bahawa apabila pengawal keselamatan di premis tersebut enggan membuka pagar premis, ada kakitangan plaintif yang telah melompat pagar premis untuk memasuki premis tersebut.

[10] Seksyen 5 dan s. 6 ABE masing-masing memperuntukkan mengenai "Power of entry by warrant or otherwise, inspection, examination, seizure, etc" dan "Powers of investigation" oleh pegawai daripada Suruhanjaya Tenaga.

[11] Walaupun pegawai daripada Suruhanjaya Tenaga tidak melakukan pemeriksaan di premis tersebut mengikut s. 5 dan walaupun kakitangan plaintif yang melakukan pemeriksaan itu telah memasuki premis defendan dengan cara melompat pagar, saya dapati pemeriksaan yang dijalankan oleh plaintif di premis tersebut pada 25 Februari 2011 adalah sah.

[12] Saya bersetuju dengan pihak plaintif bahawa ss. 5 dan 6 adalah berkaitan dengan kesalahan jenayah. Kes di hadapan saya adalah kes sivil berkaitan dengan tuntutan kerugian kerana jumlah yang terkurang caj akibat pengusikan pada meter. Peruntukan yang relevan ialah s. 38(1) ABE dan peraturan 7 Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 ('Peraturan-Peraturan') yang jelas memberi kuasa kepada kakitangan plaintif untuk melakukan pemeriksaan.

[13] Oleh yang demikian, adalah dapatan saya bahawa pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak plaintif pada 25 Februari 2011 adalah sah mengikut s. 38(1) ABE dan peraturan 7 Peraturan-Peraturan.

[14] Keterangan pihak plaintif ialah bahawa bilik meter berkunci dan kunci dipegang oleh pengurus kilang di premis tersebut. Perkara ini disahkan oleh saksi defendan di mana SD1 di dalam pemeriksaan balas bersetuju bahawa beliau yang telah membuka mangga bagi bilik meter itu. Adalah juga keterangan SD1 bahawa mangga tersebut bukan dalam keadaan diusik ketika beliau membukanya.

[15] Memandangkan yang tersebut, saya berpendapat adalah lebih berkemungkinan defendan atau wakil defendan yang meletakkan clamp pada TTB atau melakukan pengusikan pada pepasangan meter daripada pihak-pihak lain kerana defendan dan/atau wakilnya yang mempunyai akses kepada bilik meter itu, bukannya pihak-pihak lain. Dalam keadaan itu, saya dapati plaintif telah membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa terdapat pengusikan pada pepasangan meter oleh defendan dan/atau wakil defendan.

Sama Ada Plaintif Telah Membuktikan Kerugian Sebanyak RM677,277.52

[16] Berkaitan isu ini, pihak defendan telah berhujah bahawa terdapat percanggahan di dalam bacaan arus yang diperolehi semasa pemeriksaan. Pihak defendan juga membangkitkan isu mengenai test set iaitu bahawa tiada bukti yang menunjukkan test set yang digunakan oleh plaintif berada dalam keadaan baik. Dihujahkan juga oleh peguamcara bijaksana bagi pihak defendan bahawa pengiraan bil kebelakang tidak mempunyai asas undang-undang.

[17] Mengenai test set, saya tidak nampak keperluan untuk memutuskan sama ada ia dalam keadaan baik atau tidak ketika digunakan oleh plaintif di dalam pemeriksaan pada 25 Februari 2011 memandangkan tuntutan/kerugian plaintif di sini bukanlah berdasarkan ralat yang diperolehi daripada test set.

[18] Bahawa terdapat perbezaan atau percanggahan di dalam pengiraan ralat berdasarkan pengiraan manual dan melalui test set adalah ternyata daripada eks. P10 dan daripada keterangan SP3. Selain daripada

perbezaan di dalam ralat, ternyata juga daripada eks. P10 bahawa terdapat perbezaan bacaan yang sangat kecil sebelum dan selepas clamp ditanggalkan. Perkara ini juga diakui oleh SP3.

[19] Berhubung tuntutan plaintif untuk bil kebelakang, peguamcara bijaksana pihak defendan merujuk kepada peraturan 11(2) Peraturan-Peraturan yang memperuntukkan bahawa plaintif hanya boleh menuntut bil kebelakang untuk tempoh tidak melebihi tiga bulan dari tarikh defendan dimaklumkan mengenai amaun yang terkurang dicaj.

[20] Saya tidak dapat menerima hujahan peguamcara bijaksana berhubung isu ini memandangkan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Tenaga Nasional Berhad v. Wong Kwi Fong* (Rayuan Sivil No: W-02-2901-2010) telah memutuskan bahawa "Regulation 11(2) Licensee Supply Regulations 1990 is not applicable to a case of meter tempering ie, an offence under s. 37(3) Electricity Supply Act 1990 ('ESA') and the claim for loss of revenue arising therefrom".

[21] Berbalik kepada isu sama ada plaintif telah membuktikan tuntutannya, peruntukan yang relevan ialah s. 37(3) dan s. 38(4) ABE. Seksyen 37(3) memperuntukkan:

> Any person who in any manner dishonestly:
>
> (a) abstracts electricity;
>
> (b) consumes electricity;
>
> (c) uses electricity;
>
> (d) alters the index of any meter or other instrument used on or in connection with any installation of any supply authority or any licensed installation for recording the output or consumption of electricity; or
>
> (e) prevents any such meter or instrument from duly recording the output or consumption of electricity, shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

Seksyen 38 pula memperuntukkan:

> (1) Where any person employed by a licensee finds upon any premises evidence which in his opinion proves that an offence has been committed under section 37(1), (3) or (14), the licensee or any person duly authorized by the licensee may, upon giving not less than twenty-four hours' notice, in such form as may be prescribed, cause the supply of electricity to be disconnected from the said premises.

A (2) ...

(3) ...

(4) A written statement by an employee of the licensee duly certified by the licensee or any person authorized by the licensee
B specifying -

(a) the amount of loss of revenue or the expenses incurred by the licensee; and

(b) the person liable for the payment thereof, shall be *prima facie*
C evidence of the payment that has to be made by the consumer under subsection (3).

(5) The amount stated in the written statement shall, within the period specified in the statement, be due and payable to the licensee and in default of payment such amount shall be
D recoverable by civil action in a court.

[22] Berdasarkan s. 38(4), jika terdapat suatu penyata bertulis di bawah s. 38(4) ABE maka jumlah yang dinyatakan di dalamnya adalah keterangan *prima facie* bahawa itu adalah jumlah yang perlu dibayar oleh defendan.

E **[23]** Berdasarkan keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Tenaga Nasional Berhad v. Wong Kwi Fong* juga, jumlah tersebut sebagaimana yang dinyatakan di dalam pernyataan itu hendaklah dibenarkan tanpa tolakan.

F **[24]** Persoalannya di sini ialah adakah terdapat suatu penyata bertulis di bawah s. 38(4) ABE mengenai jumlah yang perlu dibayar oleh defendan di dalam kes ini?

[25] Peguamcara bijaksana pihak plaintif merujuk kepada surat bertarikh
G 29 Mac 2011 (eks. P1) yang ditulis oleh SP1 kepada defendan dan berhujah bahawa eks. P1 itu adalah satu penyata di bawah s. 38(4) ABE.

[26] Eksibit P1 berbunyi seperti berikut:

H Perkara: Kegagalan Jangka (Meter) TNB Merekod Penggunaan Sebenar Akibat Pengusikan

No. Akaun: 0180 01139026 07

Nama Pelanggan: Sim Lai Ling

I Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa satu pemeriksaan jangka (meter) telah dilakukan oleh pegawai TNB di premis tuan pada 25 Februari 2011.

2. Hasil dari pemeriksaan tersebut, TNB mempunyai bukti yang kukuh bahawa pepasangan TNB iaitu jangka Tenaga (KWH) yang merekodkan penggunaan elektrik di premis tuan telah diusik. Akibat dari itu, jangka berkenaan telah tidak merekodkan dengan tepat penggunaan elektrik yang sebenar.

3. Kesan dari kejanggalan jangka berkenaan juga, TNB telah terkurang caj sebanyak RM677,277.52. Tuan adalah diminta untuk menjelaskan amaun tersebut di dalam 14 hari dari tarikh surat ini.

4. Untuk makluman, Akta Bekalan Elektrik 1990 membolehkan TNB mengambil tindakan yang membuat pemotongan bekalan ke premis yang berkenaan serta mengambil tindakan untuk mendapat balik kerugian hasil serta kos-kos lain yang berkaitan.

5. Bagi mendapatkan penjelasan lanjut, pihak tuan boleh menghubungi Puan Zalina/Norazila di nombor telefon 03-89264990 sambungan 122/143 atau di Pejabat TNB Bangi.

Sekian, semoga mendapat kerjasama yang sewajarnya dari tuan.

[27] Saya berpendapat eks. P1 bukanlah satu penyata di bawah s. 38(4) ABE tetapi sekadar suatu notis tuntutan untuk defendan membuat bayaran.

[28] Ini disokong oleh keterangan SP1 yang menyatakan bahawa tugas beliau ialah untuk memajukan notis tuntutan kepada yang berkenaan untuk menuntut amaun terkurang caj dan juga untuk mengendalikan dan meluluskan rundingan sekiranya pengguna bersetuju untuk membayar. SP1 tidak menyatakan beliau adalah pegawai atau kakitangan yang telah diperakui oleh plaintif bagi maksud s. 38(4) ABE dan beliau juga tidak merujuk kepada eks. P1 sebagai penyata bertulis di bawah seksyen tersebut.

[29] Di dalam keterangannya, SP1 secara nyata merujuk kepada eks. P1 sebagai surat tuntutan kerugian hasil yang telah dihantar oleh beliau kepada defendan bersama-sama dengan notis pemotongan bekalan elektrik mengikut s. 38(1) ABE.

[30] Maksud dan tujuan penyata bertulis di bawah s. 38(4) ABE dijadikan keterangan *prima facie* jumlah yang perlu dibayar oleh defendan kepada plaintif adalah sama dengan "certificate of indebtedness" di dalam kes-kes perbankan. Ia mengecualikan plaintif daripada beban pembuktian dan memindahkan beban kepada defendan untuk menyangkal jumlah yang dinyatakan di dalam penyata itu (lihat kes *Citibank NA v. Ooi Boon Leong & Ors* [1980] 1 LNS 168; [1981] 1 MLJ 282; *Cempaka Finance Bhd v. Ho Lai Ying & Anor* [2006] 3 CLJ 544; [2006] 2 MLJ 685).

[31] Di dalam keadaan di mana tidak terdapat bukti *prima facie* mengenai jumlah yang terhutang oleh defendan kerana kehilangan hasil berikutan kesalahan di bawah s. 37(3) ABE, plaintif perlu membuktikan bahawa jumlah yang dituntut daripada defendan adalah betul.

[32] Dikatakan oleh pihak defendan bahawa bil kebelakang yang dituntut oleh plaintif tidak mempunyai asas undang-undang dan pengiraan oleh plaintif tidak boleh dipercayai.

[33] Keterangan pihak plaintif melalui SP7, Pembantu Tadbir (kerani) yang telah membuat pengiraan untuk amaun terkurang caj dan SP8, jurutera yang mengesahkan pengiran tersebut ialah bahawa pengiraan dibuat menggunakan formula di dalam "Standard Operating Procedure" ('SOP').

[34] Untuk memudahkan rujukan, perenggan-perenggan yang relevan di dalam SOP diperturunkan di bawah.

[35] Perenggan 6.1.0 SOP (eks. P22) menggariskan panduan berikut mengenai penyediaan bil kebelakang:

(a) Cara Pengiraan Kehilangan Unit Penggunaan

Pengiraan kehilangan unit penggunaan boleh dibuat dengan menggunakan tiga cara berikut:

(i) Menggunakan Ralat Meter.

Pengiraan berdasarkan ralat meter boleh dibuat sekiranya ralat meter diperolehi semasa pengujian meter dibuat. Peratusan ralat menunjukkan meter tidak merekodkan bacaan penggunaan elektrik sebenar.

(ii) Menggunakan purata penggunaan.

Pengiraan berdasarkan purata penggunaan boleh dibuat sekiranya terdapat 'sudden drop' pada 'trend' penggunaan bulanan. Pengiraan pembilan kebelakang secara purata boleh dibuat apabila ralat kejanggalan tidak diperolehi atau ianya tidak sesuai digunakan.

(iii) Menggunakan jumlah beban terpasang atau digunakan.

Pengiraan kehilangan unit boleh dibuat dengan menggunakan beban yang terpasang atau beban yang digunakan di premis semasa pemeriksaan dan pengujian meter dijalankan.

> Cara ini boleh digunakan sekiranya pengiraan menggunakan ralat meter tidak didapati atau tidak sesuai digunakan dan tiada 'sudden drop' pada penggunaan bulanan untuk membuat pengiraan secara purata.

Contoh pengiraan di Lampiran 14.

[36] Perenggan 6.1.0 (b) pula memberi penjelasan mengenai penentuan tempoh kehilangan unit yang perlu dicajkan. Ia menyebut:

> Tempoh kehilangan unit yang perlu dicajkan boleh diambilkira dari kriteria-kriteria berikut:
>
> (i) Mulai dari 'sudden drop' trend penggunaan bulanan sehingga tarikh tindakan pembetulan dibuat.
>
> (ii) Sekiranya tiada 'sudden drop', mana-mana kriteria berikut boleh diambil kira:
>
> - Mulai daripada tarikh penukaran meter yang terakhir.
>
> - Mulai dari tarikh bekalan diberi atau mana-mana rekod unit penggunaan yang boleh diperolehi.

[37] Lampiran 14 menyatakan:

> CARA PENGIRAAN KEHILANGAN UNIT
>
> (a) Menggunakan purata penggunaan
>
> Pengiraan berdasarkan purata penggunaan boleh dibuat sekiranya terdapat sudden drop pada trend penggunaan bulanan. Pengiraan pembilan kebelakang secara purata boleh dibuat apabila ralat kejanggalan tidak diperolehi atau ianya tidak sesuai digunakan.
>
> Tempoh purata penggunaan 6 bulan akan dikira kebelakangan dari sudden drop berlaku ...

[38] SP7 membuat pengiraan amaun terkurang caj menggunakan purata penggunaan sehari selepas kejanggalan dibetulkan. Beliau menggunakan data-data seperti tarikh bil, jumlah hari, jenis bacaan dan KWH dibilkan yang diekstrak daripada Electronic Customer Information Billing System (e-CIBS) dan memasukkan secara manual ke dalam format Microsoft Excel.

[39] Bagi mendapatkan purata harian, SP7 membuat kiraan berdasarkan bil pertama yang dikeluarkan kepada defendan. Bil pertama yang dikeluarkan untuk premis tersebut selepas tarikh pemeriksaan ialah pada 1 Mac 2011 (4 hari dari tarikh 25 Februari 2011).

[40] SP7 telah ditanya kenapa pengiraan purata harian dibuat berdasarkan empat hari dan tidak enam bulan mengikut SOP. Keterangan SP7 ialah bahawa enam bulan itu adalah contoh sahaja dan bahawa tidak terdapat di dalam SOP mengenai tempoh hari untuk pengiraan purata sekiranya tiada sudden drop. Amalan biasa bagi menyediakan bil pelarasan mengikut SP7 ialah untuk mengambil kira kedua-dua tarikh pemeriksaan dan tarikh bil pertama dikeluarkan untuk membuat pengiraan purata penggunaan KWH sehari dan sebulan.

[41] SP7 juga menjelaskan kenapa cara pengiraan purata harian digunakan bagi kes ini, iaitu bahawa pembacaan daripada Register Reading History dari tahun 2006 sehingga 2010 menunjukkan tidak terdapat sudden drop, dan dalam ketiadaan sudden drop, kriteria yang harus diambil kira untuk mengenal pasti tarikh bermula pengiraan tempoh kehilangan unit adalah tarikh penukaran jangka meter yang terakhir atau tarikh bekalan diberi.

[42] Menurut SP7, sekiranya tarikh bekalan diberi diambil kira, ia adalah tidak munasabah kerana bekalan ke premis tersebut telah diberikan pada 7 Disember 2005. Dalam keadaan itu, SP7 telah mengambil tarikh penukaran jangka meter terakhir sebagai tarikh bermula tempoh kehilangan unit sehingga pembetulan dibuat pada 25 Februari 2011. Mengikut maklumat di dalam e-CIBS, tarikh penukaran meter yang terakhir di premis defendan adalah pada 23 Mac 2008.

[43] Dihujahkan bagi pihak defendan bahawa tarikh penukaran meter yang digunakan oleh plaintif untuk mengira tempoh kerugian adalah tarikh yang diambil secara sewenang-wenangnya kerana tidak terdapat nexus di antara tarikh penukaran meter dengan tarikh bermulanya pengiraan.

[44] Dihujahkan pula oleh peguamcara bijaksana pihak plaintif bahawa adalah sukar untuk membuktikan bila sebenarnya berlaku kecurian arus.

[45] Saya bersetuju dengan pihak plaintif bahawa adalah sukar bagi plaintif menunjukkan tarikh pengusikan atau kecurian arus mula berlaku untuk menentukan tarikh mula bagi maksud mengira bil kebelakang. Oleh sebab itulah plaintif sendiri telah mengeluarkan SOP menjelaskan bagaimana pengiraan harus dibuat dan bila pengiraan harus bermula kerana nampaknya kecuali peraturan 11(2) yang menetapkan tempoh pengiraan bagi 'inaccurate meter reading' tiada peruntukan undang-undang yang menetapkan cara dan tarikh pengiraan bil kebelakang bagi kerugian kerana pengusikan meter atau kecurian arus.

[46] SP7 (dan SP8) menyatakan pengiraan untuk amaun terkurang caj adalah mengikut cara yang dinyatakan di Lampiran 14 SOP.

[47] Menurut SOP terdapat tiga cara pengiraan dan penjelasan SP8 ialah cara pengiraan bergantung kepada jenis kes. Cara pertama menggunakan ralat, cara kedua menggunakan purata penggunaan dan cara ketiga menggunakan jumlah beban yang terpasang. Di dalam kes ini SP8 menyatakan "Berdasarkan pendapat kami, cara pengiraan purata menghasilkan amaun terkurang caj yang paling tepat."

[48] Menurut SP8 lagi, pengiraan ralat tidak digunakan bagi kes ini kerana ralat tersebut terlampau tinggi iaitu -96.45% di mana cara pengiraan ralat biasanya diguna pakai sekiranya ralat tidak melebihi -80%. Mengenai cara pengiraan ketiga SP8 menyatakan ia hanya akan digunakan sekiranya cara pengiraan pertama dan kedua tidak sesuai diguna pakai.

[49] Adalah jelas daripada SOP bahawa cara pengiraan kedua iaitu cara purata penggunaan bulanan digunakan apabila terdapat sudden drop pada trend penggunaan. Di dalam kes ini kedua-dua SP7 dan SP8 mengakui tidak terdapat sudden drop, tetapi pengiraan masih menggunakan cara tersebut. Ini pada pendapat saya jelas tidak menepati SOP.

[50] Jika dilihat kepada SOP, cara pengiraan yang patut digunakan ialah cara ketiga tetapi mengikut SP8 cara ketiga tidak akan diguna pakai sekiranya jumlah jam premis/kilang pengguna beroperasi tidak diketahui. SP8 menyatakan "Kita juga tidak dapat membuat anggaran dalam kes ini kerana apabila pemeriksaan dibuat pada 25 Februari 2011 pada pukul 4.30 pagi, "clamp" tersebut digunakan pada masa tersebut untuk menyekat arus daripada direkodkan". Namun saya dapati SOP tidak menyatakan cara ketiga tidak boleh atau tidak sesuai digunakan di dalam keadaan tertentu seperti dinyatakan oleh SP8. Berdasarkan keterangan SP8, nampaknya ketiga-ketiga cara tidak sesuai diguna pakai bagi kes ini.

[51] Seterusnya, SOP mengenai penentuan tempoh pengiraan ialah enam bulan bukannya penggunaan harian. SP7 dan SP8 mengaku bahawa tidak terdapat di dalam SOP mengenai tempoh hari untuk pengiraan purata sehari tetapi menyatakan amalan biasa adalah untuk mengambil kira tarikh bil pertama dikeluarkan selepas tindakan pembetulan dibuat. SP7 dan SP8 juga menyatakan tempoh enam bulan yang dinyatakan di dalam SOP hanyalah suatu contoh.

[52] Selain pengataan kosong SP7 dan SP8 mengenai amalan biasa, tiada sebarang dokumen dirujuk untuk menyokong wujudnya amalan biasa seperti dikatakan itu.

[53] Seterusnya, saya tidak bersetuju dengan pihak plaintif bahawa tempoh enam bulan yang dinyatakan di dalam Lampiran 14 SOP adalah suatu contoh. Meneliti Lampiran 14, saya berpendapat enam bulan yang dinyatakan itu adalah tempoh sebenar yang perlu diambil kira dalam menyediakan bil kebelakang.

[54] SP7 di dalam keterangannya memberi alasan lain kenapa beliau tidak boleh menyediakan purata penggunaan enam bulan. Alasannya ialah kerana Key Performance Indicator ('KPI') beliau adalah untuk menyediakan bil kebelakang dalam tempoh masa 14 hari selepas kejanggalan dikesan. Jika beliau menunggu untuk mendapatkan tempoh enam bulan, beliau tidak akan mencapai KPI.

[55] Memandangkan perkara-perkara di atas, saya dapati pengataan plaintif bahawa pengiraan dibuat mengikut cara dan formula di dalam SOP adalah tidak benar.

[56] Seterusnya, mengikut SOP, di dalam situasi di mana tiada sudden drop, terdapat tiga kriteria yang diguna pakai iaitu:

(i) tempoh pengiraan bermula dari tarikh penukaran jangka meter yang terakhir; atau

(ii) tempoh pengiraan bermula dari tarikh bekalan diberi; atau

(iii) mana-mana rekod unit penggunaan yang diperolehi.

[57] Daripada keterangan SP7 dan SP8 adalah jelas bahawa dalam menentukan cara pengiraan mana yang akan digunakan untuk menyediakan bil kebelakang, plaintif memberi pertimbangan sama ada cara pengiraan tersebut membebankan pengguna.

[58] Di dalam kes ini, walaupun SP7 memberi penjelasan kenapa kriteria kedua tidak digunakan, tiada keterangan atau penjelasan kenapa kriteria ketiga tidak boleh diguna pakai.

[59] Pada pendapat saya, ini menunjukkan plaintif telah gagal memberi pertimbangan sama ada pengiraan atau kriteria yang digunakan akan membebankan defendan. Yang menjadi pertimbangan plaintif ialah pencapaian KPI oleh SP7.

[60] Berdasarkan perkara-perkara yang dinyatakan di atas, saya dapati plaintif gagal membuktikan kerugiannya dalam jumlah RM677,277.52. Tuntutan plaintif adalah ditolak dengan kos sebanyak RM25,000.